

Hari 07 | Berpaling kepada Kristus

Apakah cabaran bagi orang-orang yang baru percaya



Semasa kita mengikut Yesus, identiti dan perasaan keanggotaan kita dipengaruhi. Soalan-soalan mula timbul: Siapakah saya? Apakah nilai-nilai saya? Orang-orang berlatarbelakang Muslim yang baru percaya mempunyai

soalan-soalan yang serupa juga. Tetapi selain itu mereka juga bergumul dengan tekanan psikologi yang teruk yang mungkin termasuk perasaan takut (takut akan Allah, bahawa Dia akan menghukum mereka sekiranya mereka berubah, atau takut akan keluarga dan saudara-mara, rasa takut akan masyarakat mereka, takut mati). Mereka bergumul dari segi emosi menangani pilihan yang sukar dibuat, terutamanya apabila undang-undang menentang mereka ataupun apabila orang-orang yang sudah percaya enggan mempercayai mereka. Ada yang mengalami

penolakan dari masyarakat mereka atau Tubuh Kristus (gereja) atau kedua-duanya, dan ini membuat mereka rasa aib.

Halangan: Suatu halangan yang besar bagi orang-orang dari latarbelakang Muslim yang baru percaya adalah Tubuh Kristus. Seorang pernah berkata, "Sekiranya kita mahu melihat orang-orang Muslim datang kepada Yesus dan bertumbuh di dalamNya, kita perlu mengubah sikap kita. Bangunan gereja secara fizikal mungkin berdekatan dengan orang-orang yang baru



Hari 07 | Berpaling kepada Kristus

percaya itu, tetapi dari segi budayanya, orang-orang Kristian mungkin amat sukar dicapai oleh mereka.”

Orang-orang yang baru percaya memerlukan teladan dari segi apakah ertinya mengikut Kristus dan menyembahnya dengan cara yang menghormati identiti kebudayaan mereka. Bagi ramai orang, mereka tidak mempunyai teladan bagaimana berjalan dalam Roh Kudus. Bagi orang lain pula mereka bergumul mencari tempat yang selamat di mana mereka dapat berkumpul untuk

beribadah, bersekutu dan berdoa.

Perhubungan adalah utama di dalam masyarakat Muslim, jadi orang-orang yang baru percaya akan menanyakan soalan seperti: Bagaimanakah kita dapat menghormati Kristus dalam kehidupan seharian, perkahwinan, dan membesarkan anak-anak di dalam masyarakat yang kebanyakannya Muslim? Bagaimanakah orang-orang yang baru percaya dapat mencari pasangan hidup dan merayakan perkahwinan mereka sebagai pengikut

Kristus di dalam masyarakat setempat? Di manakah dan bagaimanakah seseorang akan dikebumikan? Oleh kerana komitmen mereka kepada Kristus, ada yang kehilangan harta, pekerjaan, harta pusaka, pasangan hidup, anak-anak, dan dikecualikan dari upacara-upacara atau perayaan keluarga. Ramai yang melalui pengalaman dianggap sebagai pengkhianat kepada keluarga dan budaya mereka semasa mereka mengikut Kristus. Ada juga yang kehilangan nyawa mereka.



Pada masa yang sama juga, terdapat soalan-soalan teologia yang dihadapi oleh orang-orang yang baru percaya ini. Soalan-soalan mereka tentang Alkitab, Tuhan, sikap-sikap dan amalan mungkin tidak dijawab bahkan tidak difahami oleh orang-orang percaya yang lain.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah agar orang-orang yang percaya akan menjadi sensitif terhadap kebudayaan*

mereka dan menunjukkan rasa hormat dan kesedaran semasa kita bergaul dengan orang-orang dari latarbelakang Muslim yang baru percaya.

- *Berdoalah untuk hikmat, kekreatifan dan keyakinan bagi orang-orang dan komuniti-komuniti yang baru percaya semasa mereka mencari cara-cara yang sesuai dari segi budaya untuk melayani dan menyembah Kristus di*

dalam konteks masyarakat Islam.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

